

24 MAR 2003

Parlimen-Iraq (Pemuda)

PEMUDA UMNO DAN PAS ANJUR PROGRAM BERSAMA TENTANG PERANG DI IRAQ

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno dan Dewan Pemuda PAS hari ini bersetuju untuk menganjurkan bersama program-program bagi menyuarakan pendirian rakyat Malaysia yang menentang serangan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, usaha pertama yang diambil secara bersama oleh Umno dan PAS adalah menghantar nota bantahan kepada kedutaan Amerika di sini, esok.

"Satu perjumpaan dengan pihak kedutaan telahpun diatur. Saya bersama-sama (Ketua Pemuda PAS) Mahfuz serta rakan-rakan dari NGO (pertubuhan bukan kerajaan) yang lain akan membawa suara rakyat Malaysia tidak mengira kaum, agama dan fahaman politik," katanya pada sidang media bersama di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Nota bantahan yang akan dihantar itu bertujuan menyatakan kepada kerajaan Amerika bahawa tindakan yang telah diambil oleh negara itu dan sekutunya terhadap Iraq tidak mendapat sokongan dunia.

"Pendirian kita jelas iaitu mengutuk, mengecam sekeras-kerasnya serangan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq. Kita fikirkan bagaimana pendirian bersama kita ini akan dapat kita ketengahkan, selain daripada program-program protes lain yang akan kita fikirkan bersama," katanya.

Perjumpaan yang akan diadakan dengan Duta Amerika Syarikat ke Malaysia Marie T. Huhtala esok dijangka bermula selepas pukul 1 tengah hari.

Hishammuddin dan Mahfuz berkata mereka akan menjemput parti-parti lain untuk menyertai rombongan itu.

Hishammuddin berasa terharu dengan sokongan yang diberikan oleh PAS kerana dengan sokongan itu, kedua-dua parti dapat bergerak sebagai satu suara dan membawa suara tentangan rakyat Malaysia.

Mahfuz pula berkata isu peperangan itu merupakan isu biasa yang menyentuh soal nilai kemanusiaan sejagat dan perlu didukung oleh semua pihak seperti mana yang disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dalam isu ini kita mengharapkan bahawa penentangan ini bukan hanya dalam bentuk persidangan semata-mata tetapi perlu diterjemahkan secara lebih praktikal," katanya.

Mahfuz berkata penentangan itu lebih praktikal sekiranya usaha dapat diambil bagi meyedarkan rakyat Malaysia untuk mengubah cara hidup dengan menyingkirkan pengaruh gaya hidup Amerika.

"Masyarakat antarabangsa perlu berusaha untuk memulaukan sebarang kepentingan ekonomi Amerika dan ia dapat dilihat khususnya daripada sudut kuasa beli yang ada pada masyarakat antarabangsa," katanya.

Mahfuz berkata kerajaan Malaysia, sebagai Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), diharap dapat melobi negara-negara besar yang menentang peperangan iaitu seperti Jerman dan China untuk membawa Amerika Syarikat dan sekutunya ke mahkamah jenayah antarabangsa untuk diadili.

Menyentuh tentang kempen Aman Malaysia, Hishammuddin berkata ia bukanlah milik Umno tetapi milik rakyat Malaysia dan dengan itu mana-mana parti pun boleh turut serta dalam program itu.

-- BERNAMA

NN HS PR